

<Orang yang dilindungi> Yang Dihormati

Dokumen Keterangan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang takaful keluarga anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia berguna; **anda juga sepatutnya membacanya.**

Nama Produk: Group Term Takaful (GTT) (Ini adalah produk takaful)

Tarikh dicetak: <tarikh dicetak>

1 Apakah Group Term Takaful?

Group Term Takaful ialah pelan takaful tempoh berkumpulan yang menyediakan bayaran sekaligus sekiranya orang yang dilindungi meninggal dunia, mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD), atau didiagnosis dengan salah satu daripada 36 penyakit kritikal yang dilindungi sepanjang tempoh perlindungan.

Prinsip-prinsip Syariah:

- Antara peserta-peserta dana takaful untuk bantuan kewangan bersama di bawah prinsip tabarru' (sumbangan sukarela).
- Antara pengendali takaful ("Sun Life Malaysia Takaful Berhad") dan peserta-peserta dalam menguruskan dana-dana takaful di bawah prinsip wakalah (perlantikan agen/wakil).

2 Ketahui Perlindungan-perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan sumbangan **RM 0.00** anda akan menerima **perlindungan** takaful berikut:

<p>Manfaat kematian/ hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD)/ <i>Accelerated critical Illness</i> (penyakit kritikal) (ACI)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah perlindungan akan disemak setiap bulan berdasarkan Baki Purata Bulanan ("MAB") dalam Akaun Gaji CIMB orang yang dilindungi dua (2) bulan sebelumnya. Perlindungan yang ditawarkan adalah antara RM5,000 hingga RM200,000, tertakluk kepada kelayakan seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Mengawal Akaun Gaji CIMB di laman web CIMB. • Kematian/TPD/ACI: Bayaran sekaligus sebanyak 100% daripada jumlah yang dilindungi akan dibayar apabila pengendali takaful menerima bukti yang memuaskan bagi kejadian Kematian /TPD/ACI ke atas orang yang dilindungi dan meluluskan tuntutan tersebut. Sijil takaful akan ditamatkan selepas tuntutan bagi manfaat Kematian /TPD /ACI telah dibayar, dan orang yang dilindungi tidak layak untuk menyertai semula pelan ini pada tahun berikutnya. • *Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari Utama: Bayaran sekaligus sebanyak 10% daripada jumlah yang dilindungi, tertakluk kepada had maksimum RM25,000, akan dibayar apabila pengendali takaful meluluskan tuntutan. Sebarang bayaran di bawah manfaat ini akan mengurangkan baki jumlah yang dilindungi untuk tuntutan masa hadapan di bawah Kematian, TPD atau penyakit kritikal lain yang dilindungi. • Perlindungan takaful akan tamat pada ulangtahun bulanan sijil sejeurus selepas hari lahir ke-70 orang yang dilindungi. • Penyakit kritikal yang dilindungi di bawah manfaat ACI ini termasuk: <ol style="list-style-type: none"> 1. Kanser 2. Strok 3. Serangan Jantung <p>Nota: Ini bukan senarai lengkap. Untuk maklumat lanjut mengenai penyakit kritikal yang dilindungi, sila rujuk sijil takaful anda dan Lampiran – Senarai Penyakit Kritikal.</p>
<p>Tempoh perlindungan</p>	<p>Sila rujuk Terma dan Syarat Mengawal Akaun Gaji CIMB.</p>

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/kontrak yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Sun Life Malaysia Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Takaful keluarga anda tidak meliputi:

- Bunuh diri - sekiranya kematian disebabkan oleh bunuh diri dalam tempoh 1 tahun dari tarikh permulaan sijil, sijil akan ditamatkan dan tiada manfaat kematian akan dibayar.
- Keadaan perubatan yang anda alami, atau mempunyai simptomnya, sebelum menyertai pelan ini (iaitu keadaan sedia ada).

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda mesti rujuk kepada dokumen-dokumen kontrak induk dan sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian-pengecualian.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai takaful keluarga anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1300-88-5055



Layari laman web kami di:
<https://www.sunlifemalaysia.com>



Emel kepada kami di:
wecare@sunlifemalaysia.com



Untuk tuntutan berkaitan:
<https://www.sunlifemalaysia.com/client-care/make-a-claim>

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk produk takaful ini, sumbangan takaful adalah seperti berikut:

Sumbangan (termasuk cukai perkhidmatan, jika ada)	Sumbangan bagi pelan ini kini ditanggung sepenuhnya oleh CIMB Bank. Tiada bayaran diperlukan daripada anda. Nota: Pada setiap tarikh ulangtahun kontrak induk, sijil takaful boleh diperbaharui atas budi bicara kami berdasarkan kadar sumbangan semasa yang ditentukan pada masa tersebut dan dimaklumkan oleh kami kepada CIMB. Tiada dokumen pembaharuan akan dikeluarkan semasa pembaharuan.
Tempoh sumbangan	Sila rujuk Terma dan Syarat Mengawal Akaun Gaji CIMB.
Anda juga harus membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:	
Duti setem	RM10.00. Jumlah ini akan ditanggung oleh pengendali takaful.
Yuran wakalah	Tidak berkenaan.
Komisen	Tidak berkenaan.
Cukai perkhidmatan	Tidak berkenaan.
Yuran-yuran lain yang berkenaan	<ul style="list-style-type: none"> • Tabarru' - Tabarru' yang ditolak adalah untuk menampung kos untuk manfaat yang dilindungi.

4 Terma-terma Utama

- **Keperluan pendedahan** - Anda dikehendaki mendedahkan kesemua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur atau tarikh lahir dengan betul. Jika sijil takaful ini sepenuhnya untuk tujuan peribadi, anda mesti mengambil penjagaan munasabah untuk mendedahkan apa-apa fakta yang anda tahu akan berkaitan terhadap kami dan tidak mengelirukan kami. Kewajipan pendedahan berterusan adalah tugas anda sehingga sijil takaful ini dikeluarkan.
- **Penamaan** - Anda boleh mencalonkan seseorang untuk menerima manfaat takaful anda sekiranya berlaku kematian, sama ada sebagai wasi atau benefisiari di bawah hibah bersyarat, selaras dengan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Penamaan boleh dibuat pada bila-bila masa selepas sijil dikeluarkan dengan melengkapkan dan mengemukakan borang penamaan kami. Anda boleh memuat turun borang penamaan tersebut daripada laman web Sun Life Malaysia di www.sunlifemalaysia.com.
- **Perubahan kepada maklumat hubungan/maklumat peribadi** – Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam maklumat hubungan anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat akan sampai kepada anda tepat pada masanya.
- **Tempoh tenggang** - Tidak berkenaan kerana sumbangan pelan ini ditanggung sepenuhnya oleh CIMB.
- **Tempoh menunggu** - Tempoh menunggu selama 3 bulan dari tarikh permulaan adalah terpakai kepada kematian, hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) dan semua jenis penyakit kritikal. Tiada manfaat akan dibayar sekiranya orang yang dilindungi meninggal dunia, mengalami TPD akibat punca semula jadi atau didiagnosis dengan penyakit kritikal dalam tempoh menunggu seperti yang ditakrifkan.
Tarikh permulaan merujuk kepada tarikh perlindungan Takaful anda bermula. Manfaat hanya akan dibayar selepas tempoh menunggu 3 bulan ini selesai.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada dokumen-dokumen kontrak induk atau sijil takaful bagi senarai penuh terma dan syarat di bawah pelan ini.

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh semakan percuma** - Anda boleh membatalkan sijil takaful anda dalam masa 15 hari kalendar dari tarikh penghantaran sijil takaful. Tiada sumbangan akan dipulangkan kepada anda.
- **Notis bertulis** - Anda boleh membatalkan perlindungan takaful anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada pengendali takaful dan/atau CIMB Bank. Sekiranya sijil takaful diserahkan, tiada nilai tunai akan dibayar. Semua manfaat dan hak di bawah sijil ini akan tamat pada tarikh sumbangan berikutnya selepas notis diterima.

Nota Penting:

Menyertai pelan takaful keluarga adalah komitmen kewangan jangka panjang. Anda didaftarkan secara automatik ke dalam pelan ini tertakluk kepada Terma dan Syarat Mengawal Akaun Gaji CIMB. Sila baca dan fahami kontrak takaful serta hubungi kami untuk maklumat lanjut.

Pelan ini diuruskan oleh Sun Life Malaysia Takaful Berhad <Nombor Pendaftaran: 200501012215 (689263-M)>, pengendali takaful yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

1. 36 penyakit kritikal yang dilindungi adalah seperti berikut:

- Penyakit Alzheimer/Demensia Teruk
- *Angioplasti dan Rawatan-rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari Utama
- Meningitis Bakteria
- Tumor Otak Benigna
- Buta
- Pembedahan Otak
- Kanser
- Kardiomiopati
- Anemia Aplastik Kronik
- Koma
- Pembedahan Pintasan Arteri Koronari
- Pekak
- Ensefalitis
- Kegagalan Hati Tahap Akhir
- Penyakit Paru-paru Tahap Akhir
- AIDS dengan Gejala Penuh
- Hepatitis Viral Fulminan
- Serangan Jantung
- Pembedahan Injap Jantung
- Jangkitan HIV melalui Transfusi Darah
- Kegagalan Buah Pinggang
- Hilang Keupayaan Bertutur
- Trauma Kepala Major (Teruk)
- Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang
- Penyakit Neuron Motor
- Sklerosis Multipel
- Distrofi Otot
- Kelumpuhan Anggota
- Penyakit Parkinson
- Hipertensi Arteri Pulmonari Primer
- Penyakit Arteri Koronari Serious
- Strok/Angin Ahmar
- Pembedahan Aorta
- Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk
- Penyakit Terminal
- Kelecuran Tahap Ketiga

Sila rujuk kontrak induk dan/atau dokumen sijil takaful bagi senarai definisi yang lengkap.